



**SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KALI KE-20**

2013



**“URUSTADBIR DINAMIK KE ARAH
KESEJAHTERAAN NEGARA”**





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance
(First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K (Netherlands), Medal of Honour (Lao),

DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines),

The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S.

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri





Petikan Titah Mengenai Perkhidmatan Awam

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam





Titah Mengenai Perkhidmatan Awam

“Jika negara memenuhi etika perkhidmatannya yang telus tanpa pilih kasih dan rasuah, maka insya-Allah, apa jua yang dirancang dan diusahakan akan berjalan dengan lancar dan berkat.

Inilah integriti yang perlu ada Perkhidmatan Awam, tanpa integriti ini, sesebuah negara boleh runtuh, atau paling tidak, akan kehilangan daya membangunnya”.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2010 pada 15 Muharram 1431 / 31 Disember 2009



“Beralih kepada perkara yang tidak kurang utamanya, iaitu Perkhidmatan Awam. Ia memerlukan peningkatan, baik di segi produktiviti mahu pun etika kerjanya. Beta mahu Perkhidmatan Awam itu, secara berterusan, akan menilai kekuatan dan kelemahannya berasaskan Key Performance Indicators yang telah ditetapkan.

Dengan cara ini, dapatlah kita menyukat setakat mana Perkhidmatan Awam itu dapat melaksanakan tanggungjawabnya pada memenuhi harapan negara dan orang ramai”.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-64 Tahun pada hari Khamis 3 Sya'aban 1431 / 15 Julai 2010

“Perkhidmatan Awam tidak diragukan lagi adalah sangat penting untuk kelincinan pentadbiran Kerajaan. Ia berfungsi untuk mengetahui sejauh mana keupayaan dan kualiti pentadbiran Kerajaan.

Hari Perkhidmatan Awam yang kita sambut ini adalah merupakan wadah untuk menilai atau mengesan kemajuan dan kekurangan di dalam Perkhidmatan Awam itu.

Beta yakin, tuntutan ke atas Perkhidmatan Awam, sampai bila-bila pun tidak akan berkurangan, Lebih-lebih lagi dalam era pembangunan pesat seperti sekarang, tiada ruang untuk Perkhidmatan Awam itu tertinggal di belakang.





Beta suka mengingatkan bahawa apa pun rancangan untuk memajukan Perkhidmatan Awam, sama ada ia dalam bentuk pelan strategik atau pelan pembinaan berterusan, maka kita adalah mustahak untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang asasi dan utama tidak diabaikan.

Di antara perkara-perkara tersebut ialah seperti kedatangan, komitmen, dedikasi, disiplin dan integriti. Jika perkara-perkara ini tidak ada atau kurang mantap, maka apa pun usaha untuk pembaharuan pengurusan dan teknologi, tidak akan berhasil.

Inilah nilai-nilai yang mesti dimiliki dengan sempurna. Kerana ia merupakan intipati pengurusan dan sumber tenaga manusia. Dalam melakar kemahiran dan kepakaran sumber tenaga manusia, nilai-nilai ini tidak dapat dipinggirkan atau cuma dijadikan pilihan sahaja.

...Selain kita perlu memperkasa sifat-sifat jati diri ini, warga Perkhidmatan Awam juga mustahak menguasai kemahiran-kemahiran pengurusan moden, seperti penggunaan scorecard, penggunaan teknologi maklumat, penyeliaan dan lain-lain “.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-17 Tahun 2010 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Hari Khamis, 13 Zulkaedah 1431 / 21 Oktober 2010



“Turut menjadi utama ialah Perkhidmatan Awam. Ia adalah jentera dan pemudah cara untuk Kerajaan melakar kemajuan. Pada masa ini sahaja, skop dan tahap hajat orang ramai terus meningkat, di mana Perkhidmatan Awam perlu menyediakan ruang yang luas, termasuk penyediaan dasar-dasar dan pelaksanaan yang cepat lagi berkesan.

Perkhidmatan Awam berkewajipan mengenal pasti sebarang kelemahan yang ada, serta menyediakan mekanisme bagi mengatasinya. Kelambatan atau kegagalan melaksanakan program-program Kerajaan, sepatutnya tidak boleh berlaku, kerana ia berisiko tinggi boleh menjadikan persaingan kita lemah untuk menarik pelaburan asing”.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-27 pada 20 Rabiulawal 1432 / 23 Februari 2011



“Menyebut Perkhidmatan Awam pula, adalah penting, untuk mengetahui akan keperluan tenaga manusianya serta mempastikan keupayaannya sentiasa sejajar dengan keperluan semasa.

Ke arah ini, Beta mahu supaya perkhidmatan skim-skim dimantapkan. Mana-mana skim yang tidak lagi sejajar dengan dengan keperluan semasa perlulah direbiu, supaya ianya relevan dan menepati keperluan semasa. Sebagai sifatnya skim-skim perkhidmatan, ia perlu menekankan aspek-aspek kelayakan, kemahiran dan latihan-latihan. Skim juga perlu, untuk menunjukkan laluan-laluan kemajuan kerjaya, dengan pensyaratian yang perlu dipenuhi”.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-65 Tahun pada 13 Sya'aban 1432 / 15 Julai 2011



“Sebagai sebuah negara yang berkerajaan, Perkhidmatan Awam adalah jenteranya. Beta masih merasakan, bahawa kecekapan pengurusan dan disiplin dalam Perkhidmatan Awam itu masih saja tetap ditahap yang memerlukan peningkatan. Kemajuan kerjaya pegawai yang menitik-beratkan kepimpinan, masih memerlukan perhatian.

Kerana itu, sehubungan dengan ini, Beta telahpun memperkenankan satu kaedah kenaikan pangkat yang digelar “Kaedah Kenaikan Pangkat Laluan Laju”, sebagai keadaan yang bukan eksklusif, dan juga sebagai sebahagian dari usaha dalam rancangan penggantian Pegawai-Pegawai Bahagian II ke atas.

Keadeh ini dianggap mampu untuk merangsang Pegawai-Pegawai yang berprestasi tinggi, rajin dan komited”.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun pada 25 Sya'aban 1433 / 15 Julai 2012





Sabda

**Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam
Kali Ke-19, Tahun 2012**

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran
Muda Mahkota Pengiran Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Timbalan Sultan**





Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-19



Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-19 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Rabu, 1 Zulhijjah 1433 bersamaan 17 Oktober 2012.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia rahmat dan taufiq-Nya juga, dapatlah kita sekali lagi berhimpun di pagi yang mulia ini bagi menyambut Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-19.

Semogalah sambutan ini akan dapat menambah keazaman dan menaikkan semangat kerja warga Perkhidmatan Awam demi kemajuan Perkhidmatan Awam seterusnya. Berbekalkan keazaman, semangat serta kesedaran, kita akan terus memajukan lagi Perkhidmatan Awam dan dapat bergerak lebih tangkas bagi menghadapi cabaran-cabaran yang wujud dan yang akan sentiasa bertambah.

Perkhidmatan Awam adalah nadi pentadbiran Kerajaan yang bertanggungjawab secara amnya untuk memelihara kemasylahatan orang ramai dan khususnya untuk merencana secara berterusan usaha-usaha bersepdua bagi menjayakan agenda pembangunan negara selaras dengan Wawasan Negara 2035.

Perkhidmatan Awam yang efisien dan berkesan adalah keperluan utama negara untuk mencapai kemajuan di dalam apa jua bidang yang berkepentingan termasuk keamanan dan kesejahteraan bagi mendukung kestabilan negara.

Islam sebagai agama dan cara hidup yang syumul juga menuntut agar setiap aspek pentadbiran, pengurusan, penggubalan dasar, dan perancangan serta pelaksanaannya yang inklusif berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah yang sahih. Justeru, sebagai pentadbir dan pengurus sebuah negara Islam yang berdaulat, kita tidak boleh mengambil ringan terhadap kewajipan ini.

Sehubungan dengan itu, saya menyarankan agar usaha yang berterusan, segera dan tersusun dirancang dan dilaksanakan untuk menilai semula proses dan amalan-amalan pentadbiran, pengurusan, penggubalan dasar-dasar, khususnya di dalam Perkhidmatan Awam supaya ianya sejahtera dan benar-benar berpandukan kepada syariat Islam. Usaha murni yang tidak diragukan seumpama ini adalah juga merupakan tuntutan ibadah yang wajib dilaksanakan.



Di samping mengembangluaskan bidang penyelidikan yang menjurus kepada penggubalan dan perlaksanaan program-program Islamisasi, ianya juga boleh dijadikan sebahagian kriteria utama untuk menilai pencapaian sesebuah kementerian melalui kaedah-kaedah seperti *key performance indicators* (KPI) atau di dalam menilai pencapaian setiap Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) di masa-masa akan datang.

Paduka Ayahanda melalui titah sempena ulang tahun Hari Keputeraan Ke-66 yang pada asasnya bermaksud bahawa kecekapan pengurusan, disiplin dan kepimpinan di dalam kemajuan kerjaya pegawai Perkhidmatan Awam adalah di antara perkara-perkara utama yang masih saja di tahap yang memerlukan peningkatan dan perhatian.

Dalam konteks ini, saya akan menyentuh beberapa perkara yang perlu juga diberikan perhatian oleh Perkhidmatan Awam untuk memenuhi hasrat titah Paduka Ayahanda tersebut. Integriti dan akhlak mulia adalah merupakan nilai-nilai penting yang diperlukan oleh warga Perkhidmatan Awam untuk menjadi warga kerja yang penuh bertanggungjawab di sisi peraturan dan undang-undang.

Kita juga perlu sentiasa peka kepada kehendak permintaan awam dan tahap kualiti perkhidmatan untuk memenuhi ekspektasi pelanggan mengikut piagam pelanggan, iaitu Tekad Pemedulian Orang Ramai atau TPOR. TPOR kita perlu saja dipastikan untuk sentiasa dipenuhi dan direbiu untuk peningkatan dari masa ke semasa.

Sungguhpun dengan tekanan permintaan awam yang sentiasa meningkat, sikap ‘mesra pelanggan’, tidak camah mata dan bersedia untuk berbakti adalah nilai-nilai yang sangat dituntut di dalam Perkhidmatan Awam yang bertunjangkan Islam.



Pegawai-pegawai eksekutif dan ketua-ketua jabatan perlu lebih bersedia untuk turun padang bagi melihat lebih jauh dan secara dekat mengenai permasalahan orang ramai. Kaedah ini akan dapat memberikan gambaran sebenar dalam menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai dengan lebih berkesan dan telus.

Sudah tiba masanya pencapaian Perkhidmatan Awam di negara ini, khasnya di dalam bidang ICT untuk dinilai secara terperinci bagi mengetahui *value for money* yang telah diperolehi dan mengukur status sebenar kemajuan kita di dalam meraih kemanfaatan daripada bidang yang penting ini. Ini akan membolehkan kita memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada dan seterusnya memperkasa lagi pelaksanaan perancangan yang sudah disediakan.

Mengenai dengan pencapaian kita di dalam Perkhidmatan Awam secara amnya adalah amat penting bagi kita di semua peringkat akan terus lebih peka terhadap KPI yang telah ditetapkan untuk mengukur pencapaian semasa kita. Sasaran terutama kita ialah untuk mewujudkan budaya kerja yang berorientasikan pencapaian atau *performance* dalam semua sektor Perkhidmatan Awam dan termasuk juga swasta.

Kehendak ini mencerminkan betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk terus berkeupayaan secara berperancangan bagi merekrut atau mendapatkan tenaga-tenaga kerja baru yang terbaik dari segi kelulusan dan beretika.





Rancangan penggantian berkesan adalah setentunya bermula dengan mekanisme pengambilan yang kompetitif dan seterusnya dengan program-program latihan yang berterusan. Sistem galakan adalah sebahagian komponen terpenting di dalam rancangan penggantian yang dihasratkan untuk mengoptimakan kemajuan tenaga kerja, lebih-lebih lagi di peringkat kepimpinan.

Saya berharap rancangan penggantian di dalam Perkhidmatan Awam kita akan lebih dapat diperkasa dan diperkesan. Ke arah ini, Paduka Ayahanda telah pun memperkenankan ‘Kaedah Kenaikan Pangkat Laluan Laju’ sebagai sebahagian dari usaha untuk merangsang kemajuan pesat dan kompetitif di kalangan pegawai-pegawai Bahagian II ke atas.

Saya percaya kaedah yang penting ini akan seterusnya dimanfaatkan melalui pelaksanaan yang berkesan bagi melahirkan modal insan di dalam Perkhidmatan Awam yang lebih mantap dari segi kualiti dan kompetensi masing-masing.

Modal insan di alaf baru semestinya berilmu pengetahuan, berkemahiran dan berkepakaran yang bersesuaian di samping berfikiran strategik dalam melaksanakan tugasannya supaya sentiasa kekal relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran. Ciri-ciri lainnya termasuklah kemampuan untuk bekerja sebagai satu pasukan, inovatif, bersedia berkongsi pengetahuan dengan pekerja lain, dan penghayatan terhadap prinsip pembelajaran sepanjang hayat.

Saya ingin melihat supaya Perkhidmatan Awam kita lebih *coordinated* dan proaktif di dalam usaha membuat dan melaksanakan perubahan-perubahan bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan produktiviti modal insan. Di dalam hal ini, keberkesanan dalam mengatur strategi pengurusan perubahan atau *change management* adalah juga perlu diperkirakan serta dipertingkatkan secara berterusan.

Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang dan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam pada pagi ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada jasa sumbangan bakti yang telah dicurahkan oleh semua warga Perkhidmatan Awam sama ada yang sedang berkhidmat atau telah bersara.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





KANDUNGAN

• Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	vii - x
• Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri	xi - xiv
• Sekapur Sirih	1 - 3
• Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21	5
• Huraian Tema Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20, 2013	7 - 12
• Ikrar Perkhidmatan Awam	13 - 14
• Lagu Perkhidmatan Awam	15 - 16
• Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam	17 - 18
• Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2013	19 - 25
• Kumpulan Kerja Cemerlang	27 - 30
• Kumpulan-Kumpulan Yang Menyertai Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-16, Tahun 2013	31- 63
• Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan	65 - 70
• Kertas-Kertas Kerja Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan <i>(Executive Development Programme For Senior Government Officers - EDPSGO)</i>	71 - 78





• Kertas-Kertas Kerja Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan <i>(Executive Development Programme for Middle Management Officers – EDPMMO)</i>	79 - 83
• Kegemilangan Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam	85 - 86
• Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam	87 - 97
• Kenangan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-19, Tahun 2012	99 - 114
• Acara Keagamaan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20, Tahun 2013	115 - 116
• Perangkaan Pekhidmatan Awam	119 - 123
• Surat-Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri : Peraturan-Peraturan dan Perubahan Tahun 2012 – 2013	125 -126
• Senarai Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20, 2013	127 - 130
• Senarai Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20, 2013	131 - 148
• Penghargaan	149
• Catatan	150 - 152





Urustadbir
Dinamik
Ke arah
Kesejahteraan
Negara

Sekapur Sirih



Urustadbir
Dinamik
Ke arah
Kesejahteraan
Negara





SEKAPUR SIRIH



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillahi Rabbil ‘Aalameen, Wassalatu Wassalamu ‘Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhamadin, Wa’alaa Aalihee Wasahbihee Ajma’een.

Segala pujian dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya juga, kita sekali lagi dapat mengungkayahkan sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20, bagi Tahun 2013.

Hari Perkhidmatan Awam adalah sebagai mercutanda bagi perpaduan setiap lapisan warga Perkhidmatan Awam dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan negara yang mana berhubung kait dalam pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Ianya merupakan wadah berterusan dalam menitikberatkan kualiti Perkhidmatan Awam untuk lebih dinamik bagi kesejahteraan negara.

Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20 ini, adalah dihasratkan untuk mendukung Wawasan Negara 2035, khususnya dalam meningkatkan kesejahteraan negara melalui urustadbir yang dinamik. Dalam bersama-sama mendukung hasrat dan tujuan tersebut, tema yang dipilih untuk Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20 ialah “Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara”.

Tema ini menitikberatkan betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk mengamalkan urustadbir yang bersifat dinamik di mana sentiasa bersedia dalam mengambil langkah yang proaktif, dapat disesuaikan terhadap perubahan mengikut arus pergolakan dunia dalam isu serantau, antarabangsa dan global. Dalam keadaan dunia yang terus dipengaruhi oleh teknologi canggih, ekspektasi pelanggan yang kian meningkat dan daya saing daripada negara-negara serantau dan antarabangsa, maka memerlukan kita untuk mengorak langkah ke hadapan supaya tidak ketinggalan ditelan arus globalisasi.

Ke arah itu, perlunya aspek-aspek ‘*entrepreneurial thinking*’ seperti ‘*Thinking Ahead*’, ‘*Thinking Again*’, dan ‘*Thinking Across*’ untuk diberikan penekanan di dalam melaksanakan tugas serta tindakan-tindakan yang diambil untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi. Urustadbir yang dinamik sudah setentunya, memerlukan Perkhidmatan Awam untuk lebih kompeten dan bersiap sedia bagi masa depan yang tidak pasti mengenai dengan kesan yang mungkin terjadi ke atas tindakan-tindakan atau peraturan atau dasar yang telah dilaksanakan. Prestasi semasa (*current performance*) serta maklum balas daripada pihak yang berkepentingan adalah perlu untuk dinilai semula bagi tujuan penambahbaikan daripada yang sedia ada untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan. Dan dalam pada itu juga, adalah perlu untuk kita mempelajari daripada amalan terbaik (*best practices*) sebagai sukat-sukat di dalam memberikan perkhidmatan yang teratur, berkualiti dan berkesan.

Tahun 2013 ini Jabatan Perkhidmatan Awam menerbitkan sebuah buku yang bertajuk ‘**Kegemilangan Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**’. Buku ini secara ringkasnya memuatkan sejarah perkembangan Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam di Negara ini. Dalam masa yang sama buku ini selain daripada mengimbas perkembangan Kegemilangan Warisan Kesultanan, dan Kejayaan Pemerintahannya, ianya juga mengandungi pelbagai maklumat yang boleh dihayati, dijadikan



sebagai iktibar dan dijadikan sebagai rujukan serta teladan yang mana telah membentuk pencapaian pentadbiran dan Perkhidmatan Awam pada hari ini hasil dari kejayaan pemimpin-pemimpin terdahulu hingga sekarang.

Dalam kita sama-sama mengamati tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20 iaitu, ‘Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara’ dan penerbitan buku mengenai ‘Kegemilangan Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam’, sudah setentunya memberikan kesedaran kepada kita sebagai warga Perkhidmatan Awam untuk sentiasa menjunjung tinggi tital Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar sentiasa maju ke hadapan, bersiap siaga dan berbekalkan tawakal dan berserah kepada Allah Subhanahu Wata’ala dalam menempuh cabaran-cabaran yang mendatang. Dengan adanya penghayatan tersebut, Insya-Allah, akan dapat dijadikan iktibar serta panduan dalam merencana perancangan Perkhidmatan Awam di masa yang akan datang.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, tahun ini juga kita akan menyaksikan penganugerahan bagi ‘Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam’ (APCPA) iaitu anugerah untuk Pegawai-Pegawai dan Kakitangan daripada Bahagian III, IV dan V; dan ‘Anugerah Kumpulan Kerja Cemerlang’ (KKC) iaitu penganugerahan bagi memberikan pengiktirafan kepada kumpulan Perkhidmatan Awam yang aktif, berinovatif serta ingin meningkatkan kecemerlangan di dalam menjalankan tanggungjawab dan penyampaian perkhidmatan. Adalah diharapkan dalam penganugerahan tersebut akan dapat menyuntikan semangat untuk sentiasa meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti kerja dalam Kementerian dan Jabatan masing-masing. Secara tidak langsung juga, pengiktirafan ini akan dapat dijadikan sebagai batu loncatan untuk sentiasa berfikiran inovatif dan dinamik selaras dengan peredaran masa.

Akhirnya, pada kesempatan ini, saya selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20, Tahun 2013, sukacita dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberikan kerjasama, sumbangan tenaga dan buah fikiran serta nasihat dalam sama-sama mengungkayahkan untuk menjayakan Hari Perkhidmatan Awam 2013. Penghargaan dan ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada semua warga Perkhidmatan Awam yang bersara pada tahun ini di atas jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan. Syabas dan tahniah kepada penerima-penerima ‘Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam’ (APCPA) dan ‘Anugerah Kumpulan Kerja Cemerlang’ (KKC). Semoga kerjasama serta sumbangan ikhlas yang diberikan akan mendapat ganjaran pahala serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala juga, Amin Ya Rabbal’ Alamin.

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**[HAJI MOHD. ‘ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM]
SETIAUSAHA TETAP, JABATAN PERDANA MENTERI**
**Selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam Kali Ke-20 Tahun 2013**







Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke- 21

UNTUK MENJADIKAN PERKHIDMATAN AWAM

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

YANG SENTIASA MEMBANGUN DAN BERUSAHA

DENGAN GAYANYA TERSENDIRI

MENURUT CALAK ISLAM

DALAM PERSEKITARAN YANG SIHAT DAN SELAMAT

DI BAWAH INAYAH DAN PETUNJUK

ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA





URUSTADBIR
DINAMIK
KE ARAH
KESEJAHTERAAN
NEGAIBA

*Huraian Tema
Hari Perkhidmatan Awam
Kali Ke-20, 2013*



URUSTADBIR
DINAMIK
KE ARAH
KESEJAHTERAAN
NEGAIBA





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

‘URUSTADBIR DINAMIK KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA’

Dalam keadaan dunia yang terus dipengaruhi oleh harus globalisasi, teknologi canggih, sumber alam yang begitu terhad, ekspektasi pelanggan yang kian meningkat, rakyat yang semakin berilmu, daya saing daripada negara-negara serantau dan antarabangsa, pentadbiran awam tidak dapat lari dari menerima cabaran-cabaran dan tanggapan perkhidmatan yang kurang berkesan.

Cabaran-cabaran ini memerlukan kita untuk mengorak langkah ke hadapan dan mencari jalan yang lebih dinamik agar Perkhidmatan Awam tidak jauh ketinggalan dan turut memainkan peranan penting ke arah pembangunan negara sebagaimana yang diharapkan. Berdasarkan kepada suasana dan kesedaran inilah maka konsep ‘Urustadbir Yang Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara’ dipilih sebagai tema dalam menyambut Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-20, Tahun 2013.

Tema ini menitikberatkan betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk mengamalkan urustadbir yang bersifat dinamik di mana sentiasa bersedia dan bersiap siaga dalam mengambil langkah yang proaktif, dapat disesuaikan terhadap penggubalan dasar-dasar, proses-proses dalam pentadbiran dan perubahan mengikut arus pergolakan dunia dalam isu serantau, antarabangsa dan global.

Pengertian ‘Governance’ atau Urustadbir dapat diertikan sebagai hubungan antara Kerajaan dan rakyat yang membolehkan dasar-dasar dan program-program dapat dilaksanakan dan dinilai. Dalam konteks yang lebih luas lagi, ia merujuk kepada peraturan, institusi dan rangkaian yang menentukan bagaimana sebuah negara atau organisasi berfungsi. Tadbir Urus menjadi dinamik apabila pilihan-pilihan dasar sebelumnya boleh disesuaikan dengan perkembangan semasa dalam persekitaran yang tidak menentu dan cepat berubah, agar dasar-dasar yang telah dilaksanakan itu kekal relevan dan berkesan dalam mencapai hasil jangka panjang yang dikehendaki masyarakat. Pengarah Bank Dunia bagi *Global Governance*, David Kaufmann menjelaskan bahawa negara-negara yang memperbaiki keberkesanan urustadbir akan meningkatkan taraf kehidupan, manakala urustadbir yang lemah akan menjadi halangan bagi pertumbuhan dan pembangunan yang saksama.

Ke arah itu, perlunya Perkhidmatan Awam mempunyai keupayaan dinamik iaitu aspek-aspек ‘entrepreneurial thinking’ dan sentiasa mencari jalan terbaik dalam menangani cabaran-cabaran dan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Bagi merealisasikan Perkhidmatan Awam yang dinamik adalah amat penting untuk menerapkan



budaya, keupayaan dan menangani perubahan dengan menggunakan keupayaan dinamik ini termasuk cara kita berfikir dan berusaha, sentiasa membuat perancangan lebih ke hadapan, perlu melihat kembali mana-mana perkara atau peraturan misalnya untuk dibuat pembaharuan dan sentiasa melihat atau mengambil contoh-contoh terbaik di sekeliling atau dari orang lain untuk diikuti dan diubahsuai berasaskan kepada kehendak dan citarasa negara, Melayu Islam Beraja.

Berfikiran ke hadapan akan dapat memberikan penekanan bahawa Kerajaan perlu melihat lebih jauh ke hadapan untuk memahami bagaimana masa depan akan memberikan kesan kepada negara dan menggubal dasar-dasar bagi membolehkan tenaga kerja atau orang awam menghadapi ancaman dan mengambil kesempatan daripada peluang-peluang baru yang ada. Faktor-faktor luaran seperti pergolakan dunia dan perubahan bermungkinan menjadikan dasar-dasar yang lepas lapuk ditelan zaman dan tidak sesuai. Justeru itu, adalah perlunya untuk melihat kembali ke atas dasar-dasar dan program yang sedia ada bagi menilai sama ada ia masih relevan di dalam agenda negara dan dalam jangkamasa yang panjang bagi rakyat.

Dasar dan program berkemungkinan perlu untuk digubal untuk disesuaikan mengikut keadaan semasa. Bagi memastikan ekonomi sentiasa berdaya tahan, Kerajaan perlulah sentiasa menitikberatkan pembelajaran berterusan dan inovasi untuk menghadapi cabaran dan mengeksplotasikan peluang-peluang baru. Ke arah itu, Perkhidmatan Awam juga boleh belajar atau mengambil pengajaran atau mendapatkan ide-ide serta amalan terbaik yang dapat disesuaikan dan diserapkan dalam Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam, berdasarkan kepada ideologi negara, Melayu Islam Beraja.

Asas bagi Tadbir Urus yang dinamik dalam Perkhidmatan Awam adalah terletak daripada budaya institusi iaitu daripada sumber tenaga manusia dan proses yang efisien. Antara aspek-aspek yang perlu ada dalam merealisasikan urustadbir yang dinamik dalam Perkhidmatan Awam memerlukan semangat dan perlaksanaan yang segera, cekap dan efisien dalam mencapai objektif yang telah ditentukan; Mempunyai inovasi dan buah fikiran yang baru dalam menangani isu-isu; dan yang paling penting juga ialah dapat menyesuaikan diri secara berterusan dan bertindak balas kepada perubahan-perubahan persekitaran dengan cepat. Dalam perspektif Islam, urustadbir dinamik telah digambarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan bersumberkan wahyu Ilahi, baginda berjaya membangun negara Islam Madinah dan membentuk masyarakatnya menjadi model negara dan masyarakat yang dinamik. Terbukti dalam sejarah, urustadbir baginda yang dinamik membawa kesejahteraan kepada masyarakat dan negara kerana keadilan ditegakkan, kebijakan dipenuhi, keamanan dinikmati dan kemajuan dikecapi.





Al-Quran sebagai panduan lengkap hidup manusia ada menyebutkan ciri-ciri dinamik ini sebagaimana berikut :

1. Bertenaga dan cergas / bersegera mengerjakan kebaikan

- Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Mu'minun ayat 57 hingga 61

إِنَّ الَّذِينَ هُم مِنْ حَسْبَيْهِ رَبِّهِمْ مُشْفِقُونَ ﴿٥٧﴾ وَالَّذِينَ هُم بِإِيمَانِ رَبِّهِمْ
 يُؤْمِنُونَ ﴿٥٨﴾ وَالَّذِينَ هُم بِرَبِّهِمْ لَا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾ وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مَا آتَوْا^١
 وَقُلُوهُمْ وَجْهَةُ أَنَّهُمْ إِلَى رَبِّهِمْ رَاجِعُونَ ﴿٦٠﴾ أُولَئِكَ يُسَرِّعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَهُمْ
 هَا سَيِّقُونَ ﴿٦١﴾

Tafsirnya :

Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa berhati-hati kerana takut kepada Tuhan mereka (57). dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat keterangan Tuhan mereka (al-Qur'an) (58). dan orang-orang yang tidak mempersekuat Tuhan mereka (dengan sesuatu yang lain) (59). dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan (seperti zakat, sedekah dan amalan-amalan salih yang mereka kerjakan) sedang hati mereka takut (kalau-kalau amalan mereka itu tidak diterima kerana mereka tahu) bahawa mereka akan kembali kepada Tuhan mereka (60). Mereka (yang bersifat demikian) itulah yang sentiasa bersegera dalam mengerjakan kebaikan-kebaikan dan merekalah orang-orang yang lebih dahulu memperolehinya (61).

- Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 148

وَلَكُلٌّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوْلَيْهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِنَّ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ أَلَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Tafsirnya :

Dan bagi tiap-tiap umat itu ada kiblat di hadapannya, maka berlumba-lumbalah kamu untuk mengerjakan kebaikan. Di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan menghimpunkan kamu semua (pada hari Kiamat untuk menerima balasan). Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.



2. Berprinsipkan amar ma'ruf dan nahi mungkar

- Firman Allah Ta'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 104

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Tafsirnya :

Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan.

3. Berteraskan ilmu dan pengkhususan

- Firman Allah Ta'ala dalam Surah Az-Zumar ayat 9

أَمْنٌ هُوَ قَيْنِتُ إِنَّا إِلَيْ لَيْلٍ سَاجِدًا وَقَائِمًا تَحْذِرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ
قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو
الْأَلْبَابِ

Tafsirnya :

“Adakah orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dalam keadaan bersujud dan berdiri, takutkan (azab) hari Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya (sama dengan orang yang menyekutukan Allah)?” Katakanlah : “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang menpunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya).

4. Berunsurkan kekuatan rohani dan jasmani

- Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Qashash ayat 26 :

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَتَبَّعِي أَسْتَعْجِرُهُ إِنَّ حَيْرَ مَنِ اسْتَعْجَرَتِ الْقَوْيُ الْأَمِينُ



Tafsirnya :

Seorang daripada mereka berkata : “Wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik orang yang bapa ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah.”





5. Berorientasikan syura

- Firman Allah Ta’ala dalam Surah Ali ‘Imran ayat 159 :

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا غَلِيظًا لِّلْقَلْبِ لَا نَفَضُوا مِنْ
 حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ
 عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ



Tafsirnya :

Maka dengan sebab rahmat daripada Allah, engkau (wahai Nabi Muhammad) telah berlemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikut-pengikutmu). Dan kalaulah engkau bersikap kasar serta keras hati (terhadap mereka), tentulah mereka menjauhkan diri daripada sekelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka dan pohonkanlah keampunan bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan permasalahan keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal.

Dengan menerapkan ciri-ciri urustadbir yang dinamik ini ke dalam Perkhidmatan Awam, secara tidak langsung, mewujudkan pembelajaran dan inovasi dalam urustadbir bagi memudahkan tadbir urus dan perubahan di dalam dunia. Sudah setentunya, memerlukan Perkhidmatan Awam untuk lebih kompeten dan bersiap siaga bagi masa depan yang tidak pasti (*future uncertainties*) mengenai dengan kesan yang mungkin terjadi ke atas tindakan-tindakan atau peraturan serta dasar yang telah dilaksanakan. Prestasi semasa (*current performance*) serta maklum balas daripada pihak yang berkepentingan adalah perlu untuk dinilai semula bagi tujuan penambahbaikan daripada yang sedia ada untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan. Dan dalam pada itu juga, adalah perlu untuk kita mempelajari daripada amalan terbaik (*best practices*) sebagai sukat-sukat di dalam memberikan perkhidmatan yang teratur, berkualiti dan berkesan.

‘Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara’ juga sudah setentunya memberikan kesedaran kepada kita sebagai warga Perkhidmatan Awam untuk membantu menangani sebarang kemungkinan dan bersedia menerima sebarang kemungkinan yang kurang selesa. Dengan adanya penghayatan tersebut, Insya-Allah, ianya akan dapat dijadikan iktibar serta panduan dalam merencana perancangan Perkhidmatan Awam di masa yang akan datang khususnya ke arah membantu mencapai Wawasan Brunei 2035.



URUSTADBIR
DINAMIK
KEARAH
KESEJAHTERAAN
NEGARA

Ikrar Perkhidmatan Awam



URUSTADBIR
DINAMIK
KEARAH
KESEJAHTERAAN
NEGARA





IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kami, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini berikrar :

- Menjunjung tinggi dan menghayati Falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Memelihara dan mengamalkan dengan teguh prinsip-prinsip “Hablun MinAllah” iaitu hubungan dengan Allah dan “Hablun Min An-Nas” iaitu hubungan dengan manusia.
- Patuh melaksanakan kehendak dasar-dasar Kerajaan, undang-undang Negara, peraturan dan arahan kerja dengan jujur, ikhlas, amanah, bijaksana dan bertanggungjawab.
- Sentiasa memelihara dan meningkatkan martabat, kewibawaan, kecemerlangan dan kebolehharapan Perkhidmatan Awam dengan sifat dan sikap pro-aktif, iltizam, inovatif, pemedulian, cekap, telus, titih, lutanan, bertatatertib dan berakhlik mulia.
- Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja, mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi cabaran.
- Berkhidmat berdasarkan keadilan serta amanah untuk Agama, Bangsa, Kerajaan dan Negara pada menjunjung tinggi kemerdekaan dan kedaulatan sehingga terwujud negara aman, makmur, sejahtera, mendapat keampunan, keberkatan serta redha Allah Subhanahu Wata'ala.



URUŞTADBİR
J
K N
KE ARAH
S M
É J K
NEGARA
H T E R A A N

Lagu Perkhidmatan Awam



URUŞTADBİR
J
K N
KE ARAH
S M
É J K
NEGARA
H T E R A A N





AMANAH BANGSA

Maju ke hadapan memberikan khidmat yang berkualiti
Menyahut cabaran memberikan produktiviti yang tinggi

Bergerak mengikut kehendak semasa
Berfikir terbuka
Bersedia menerima perubahan
Tuju pembaharuan

Maju ke hadapan memberikan khidmat yang berkualiti
Menyahut cabaran memberikan produktiviti yang tinggi

Demi memastikan perkhidmatan
Yang jitu dan cemerlang
Sentiasa mengikut peredaran
Ke tahap yang cemerlang

C/O

Kita amanah bangsa
Majukan Negara
Taat dan setia korban tenaga
Sifat bersopan santun
Amalan mulia
Tekun jurur amanah berbudaya

Agar tak sesat jalan
Selalu ingatkan Tuhan
Asas Agama menjadi pegangan
Sama kita berikrar
Kepada Negara
Perlembagaan Negara (terus) dijulang

Kewibawaan
Perkhidmatan Awam
Kecemerlangan Terus ke hadapan

Lagu & Lirik : Rosman Masri
Susunan Muzik : Fathan Haji Anuar



KURUSTADBIR
EDINAMIK
ARKESAJAHTERAAN
AHNEGARA

*Anugerah Pekerja Cemerlang
Perkhidmatan Awam*



KURUSTADBIR
EDINAMIK
ARKESAJAHTERAAN
AHNEGARA



ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM

PENGENALAN

Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja Pegawai / Kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh Pegawai / Kakitangan yang lain.

OBJEKTIF

- Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian / Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya diharatkan akan mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.
- Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara formal kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada Pegawai / Kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.
- Untuk memberikan pengiktirafan kepada Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berusaha memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
- Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan Pegawai / Kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.
- Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan berkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang di kalangan warga Perkhidmatan Awam.
- Untuk mewujudkan nilai tambah (*value added*) kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenainya, sila layari laman web Jabatan Perkhidmatan Awam www.jpa.gov.bn



*Penerima-Penerima
Anugerah Pekerja Cemerlang
Perkhidmatan Awam
Tahun 2013*





JABATAN PERDANA MENTERI



Awang On Siew Ping
Penyelia Sistem
Bahagian III
Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan



Dayang Renny Eddy Hartini
binti Haji Zaidi
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Kehakiman Negara



Awang Haji Mohamad Safri
bin Haji Timbang
Pembantu Pejabat
Bahagian V
Jabatan Perdana Menteri



KEMENTERIAN PERTAHANAN



Dayang Hajah Masni binti
Awang Jaluddin
Penyelia Pejabat
Bahagian III
Jabatanarah Kewangan dan
Perolehan



Dayang Rohani binti
Haji Hassan
Kerani
Bahagian IV
Jabatanarah Kewangan dan
Perolehan



Dayang Asanah binti
Haji Awang Damit
Pembantu Kerani
Bahagian V
Jabatanarah Kewangan dan
Perolehan



KEMENTERIAN KEWANGAN



**Dayang Rogayah binti Haji Asmad
@ Haji Asmat**
Penolong Pegawai Kewangan Tingkat II
Bahagian III
Jabatan Perbendaharaan



Awang Jailani bin Haji Md Hussain
Pegawai Pemeriksa
Bahagian IV
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN



**Dayang Hajah Noriah binti
Haji Ibrahim**
Pembantu Penyelidik Kanan
Bahagian III
Jabatan ASEAN



**Awang Haji Mahadi bin Ketua
Jurulaki Awang Haji Duraman
Kerani**
Bahagian IV
Jabatan Pentadbiran



**Awang Asmat bin
Haji Mohd Nasir**
Pemandu Tingkat Khas
Bahagian V
Jabatan Pentadbiran



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**Dayang Hajah Masnora binti
Haji Hohd Yussof**
Ketua Teknikal Makmal
Bahagian III
Jabatan Pendidikan Teknik



**Dayang Nordiana binti
Awang Haji Daud**
Jobbing Clerk
Bahagian IV
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan



**Awang Kharin bin
Haji Awang Nordin**
Pemandu Tingkat Khas
Bahagian V
Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan



KEMENTERIAN KESIHATAN



**Dayangku Rosnah binti
Pengiran Haji Ismail**
Jururawat
Bahagian III
Jabatan Perkhidmatan Renal



**Dayang Hajah Jubaidah binti
Haji Hanafiah**
Chef
Bahagian IV
Jabatan Pentadbiran dan
Kewangan



**Dayang Murah binti Haji Aji
Amah**
Bahagian V
Jabatan Perkhidmatan
Perubatan



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



**Awang Haji Harun bin
Haji Mohamad**
Ketua Pembantu Teknik
Bahagian III
Jabatan Kemajuan Perumahan



**Dayang Hajah Noraini
binti Yusof**
Pengawas Tingkat I
Bahagian IV
Jabatan Jalan Raya



Awang Japar bin Haji Duraman
Pemandu Kenderaan Tingkat I
Bahagian V
Jabatan Kerja Raya,
Kuala Belait



KEMENTERIAN PERHUBUNGAN



Dayang Chong Kim Lian
Penyelia Kajicuaca
Bahagian III
Jabatan Kajicuaca



**Dayang Jurayah binti Abdullah
Kerani**
Bahagian IV
Jabatan Laut



**Dayang Rosmah binti
Haji Bujang**
Pekerja Tingkat IV
Bahagian V
Jabatan Penerbangan Awam



KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA



**Awang Haji Mohaimin
bin Damit**
Pembantu Perikanan Kanan
Bahagian III
Jabatan Perikanan



**Dayang Siti Mariam binti
Haji Othman**
Pembantu Pertanian
Bahagian IV
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan



Awang Ruslee bin Ismail
Pemandu Tingkat I
Bahagian V
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



**Pengiran Haji Nordin bin
Pengiran Haji Maidin**
Pembantu Kanan
Perkembangan Ugama
Bahagian III
Pusat Dakwah Islamiah



**Dayang Hajah Noor Zuhairah
binti DSS Haji Abd Hamid**
Pekerja Tingkat III
(bertugas sebagai Kerani)
Bahagian IV
Jabatan Unit Perundangan
Islam



**Dayang Roszalina binti
Zainal Abidin**
Operator Telefon
Bahagian V
Jabatab Hal Ehwal Masjid



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**Awang Marjuki bin
Haji Abd Salam**
Ketua Pembantu Teknik
Bahagian III
Jabatan Daerah Tutong



**Dayang Rosni binti
Haji Abdullah**
Kerani
Bahagian IV
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan



Dayang Norhartini binti Jasni
Pembantu Kerani
(Open Vote)
Bahagian V
Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



**Awang Ariffin bin Mohd Hdali /
Md Ali**
Pelukis Tingkat III
Bahagian III
Jabatan Muzium-Muzium



**Awangku Zainorisman bin
Pengiran Osman**
Pekerja Pembangunan
Masyarakat
Bahagian IV
Jabatan Pembangunan
Masyarakat



**Dayangku Norhayati binti
Pengiran Haji Md Yunus**
Pekerja Pembangunan
Masyarakat Tingkat II
(Open Vote)
Bahagian V
Jabatan Pembangunan
Masyarakat





URUSTADBIR
KE ARAH
DINAMIK
KESEJAHTERAAN
NEGARA

Kumpulan Kerja Cemerlang

URUSTADBIR
KE ARAH
DINAMIK
KESEJAHTERAAN
NEGARA





RASIONAL KUMPULAN KERJA CEMERLANG

Negara Brunei Darussalam segera mengubah Struktur Organisasi Kerajaan sejak tahun 1984 selepas merdeka. Inisiatif ini merupakan usaha Kerajaan memantapkan jentera pentadbiran Kerajaan melalui Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan agar berfungsi dengan efektif, efisien dan ekonomi. Usaha-usaha ke arah projek Produktiviti dan Kualiti ini mendedahkan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam kepada berbagai-bagai Kaedah Pengurusan yang terkini seperti: QCC/KKC, *Management by Objective (MBO)*, *Performance Improvement Planning (PIP)*, *Performance Appraisals (PA)* serta *Total Quality Management (TQM)* dan banyak lagi.

Konsep-konsep yang didedahkan itu banyak menitikberatkan kepada pentingnya amalan kerja secara berpasukan dan bermesyuarah dalam membuat keputusan. Amalan ini telah dapat dibuktikan oleh sektor Kerajaan negara-negara maju yang lain seperti Malaysia, Jepun, Singapura serta Korea.



Terdapat 3 matlamat utama yang diwujudkan oleh KKC di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984 itu :

- Sebagai etika kerja bagi semua warga Perkhidmatan Awam kerana KKC memerlukan para pekerja bekerja sebagai satu pasukan.
- Memperkembangmajukan keupayaan Sumber Tenaga Manusia kerana KKC memerlukan ahli-ahlinya agar boleh berdikari.
- Produktiviti merupakan isu serantau (ASEAN) dan menjadi topik utama di dalam *"Conference on Reform of Civil Service"* diadakan di Singapura pada tahun 1987.

KKC menggalakkan *"teamwork"* dan penglibatan dari semua pihak di dalam organisasi yang mengamalkannya. Penglibatan yang sungguh-sungguh dari pihak atasan akan dapat menjamin kejayaan KKC kerana ia boleh meyakinkan kepada para ahli untuk melibatkan diri dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab. Dengan cara ini ia boleh mewujudkan suatu organisasi yang sentiasa beristiqamah ke rana Pengurusan Atasan yang penuh konfiden menurunkan kuasa dan tanggungjawab kepada pegawai yang bermotivasi tinggi kearah menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi.





Kumpulan-Kumpulan yang menyertai Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan kali ke-16, Tahun 2013

BIL	KUMPULAN	BAHAGIAN/JABATAN	KEMENTERIAN	TAJUK PROJEK
1	TIDUA-ICT	Bahagian dan Teknologi Info Komunikasi (TIK) dan Pencen Baksis (PB) Jabatan Audit	Jabatan Perdana Menteri	Laporan Awal Pengauditan Teknologi Info Komunikasi (ICT) Mengambil Masa Yang Lama
2	TIDUA-BINA	Jabatan Audit	Jabatan Perdana Menteri	Pengeluaran Laporan Pengauditan Kontrak Pembinaan Tidak Menepati Sasaran Masa Dalam Rancangan Korporat
3	LIFESAVER 995	Balai Bomba Sungai Liang Cawangan Operasi ‘B’	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	Meningkatkan Pengetahuan Tatacara Penggunaan Alat Pemadam Api Kepada Masyarakat Umum
4	RAKIT	Unit Keselamatan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri	Jabatan Perdana Menteri	Pengawal Keselamatan Lewat Hadir Bertugas
5	360 DEGREE	Jabatan Perkhidmatan Pengurusan	Jabatan Perdana Menteri	Persekutuan Pejabat Yang Kurang Memuaskan
6	B.I.T	Bahagian Industri Ternakan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan	Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	Proses Menunggu Untuk Mendapatkan Khidmat Rawatan Haiwan Kesayangan Melebihi 30 Minit
7	AMT	Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan	Kementerian Pendidikan	Kelambatan Proses Pembayaran Tuntutan
8	PENA	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Penerangan	Jabatan Perdana Menteri	Penggunaan Telefon Yang Tidak Terkawal





BIL	KUMPULAN	BAHAGIAN/JABATAN	KEMENTERIAN	TAJUK PROJEK
9	MS 50	Jabatan Ukur	Kementerian Pembangunan	Penghasilan Peta Berskala 1:50,000 Tidak Menepati Objektif Perancangan Berkualiti (QPO)
10	TEKAD KEJAYAAN	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	Kementerian Kesihatan	Maklumat Pemeriksaan Kesihatan Yang Kurang Efektif dan Efisien Kepada Kakitangan dan Pelanggan
11	RAINBOW	Jabatan Biro Kawalan Narkotik	Jabatan Perdana Menteri	Sistem Pengumpulan Resit Kad Inden Pembelian Minyak Kurang Berkesan
12	BAKUT	Jabatan Ukur	Kementerian Pembangunan	Pengurusan Pusat Maklumat Geomatik Kurang Efektif
13	TABUNG	Jabatan Biro Kawalan Narkotik	Jabatan Perdana Menteri	Pengurusan Pembayaran Gaji dan Elaun Tidak Bersistematik
14	AKSES	Jabatan Tanah	Kementerian Pembangunan	Proses Penyediaan Peta Jalan Laluan Lambat
15	ICON	Jabatan Ukur	Kementerian Pembangunan	Aduan Masalah Teknologi Maklumat Yang Semakin Meningkat
16	PERANCA	Bahagian Kawalan Kemajuan Bangunan, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	Mengurangkan Rumah-Rumah Setinggan Yang Didirikan Di Atas Tanah Kerajaan

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenainya, sila layari laman web Jabatan Perkhidmatan Awam www.jpa.gov.bn



أوروپن دیپ دینامیک
کارہ کچھ کمپنیاں
کسٹرائنز نگارا

*Kumpulan-Kumpulan Yang
Menyertai Konvensyen Kumpulan
Kerja Cemerlang Sempena Sambutan
Hari Perkhidmatan Awam
Kali Ke-16, Tahun 2013*



أوروپن دیپ دینامیک
کارہ کچھ کمپنیاں
کسٹرائنز نگارا



KUMPULAN TIDUA-ICT

Bahagian dan Teknologi Info Komunikasi (TIK) dan Pencen Baksis (PB)

Jabatan Audit

Projek : Penyediaan Laporan Awal Pengauditan Teknologi Info Komunikasi (ICT)
Mengambil Masa Yang Lama



AHLI-AHLI

Dayang Siti Noor Khatidzeah binti Haji Mohamed - Ketua Kumpulan
Dayang Noor Auji binti Md Harunthmarin

Awangku Haji Zul Fakhri bin Pengiran Haji Omar Ali

Dayangku Maswati binti Pengiran Tajuddin

Dayangku Nurazimah Hakimah binti Pengiran Yusof

PENGENALAN

Kumpulan TIDUA-ICT yang terdiri dari seorang Fasilitator, seorang Ketua Kumpulan serta empat orang ahli adalah pegawai / kakitangan dari Bahagian dan Teknologi Info Komunikasi (TIK) dan Pencen Baksis (PB) Jabatan Audit.

Tajuk di atas dipilih untuk mengenalpasti sebab-sebab kelambatan dalam penyediaan laporan awal bagi pengauditan Teknologi Info Komunikasi (ICT) yang mana mengambil masa kira-kira empat hingga ke enam bulan.

Penyediaan laporan awal pengauditan Teknologi Info Komunikasi (ICT) yang mengambil masa agak lama dari tempoh yang ditetapkan iaitu dua minggu telah mengakibatkan penambahan kos kepada Jabatan Audit dan mengurangkan produktiviti jabatan di samping sasaran jumlah projek pengauditan tidak dapat dicapai.



Oleh yang demikian, pasukan TIDUA-ICT akan berusaha untuk mencari langkah-langkah yang bersesuaian untuk mempercepatkan penyediaan laporan awal pengauditan Teknologi Info Komunikasi (ICT) untuk dihadapkan kepada pihak Audit sebelum *Exit Meeting (EM)* diadakan dengan mewujudkan satu mekanisme bagi memudahkan penyediaan laporan awal.

FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

- Penyediaan laporan awal dengan menggunakan database tool dan contoh daftar catatan yang dilaksanakan oleh ahli pasukan pengauditan semasa peringkat FW mengambil masa 6 hari bekerja.
- Penyediaan laporan awal pengauditan ICT berjaya dikurangkan dari 139 ke 10 hari bekerja, iaitu pengurangan sebanyak -92.8%.
- Penurunan kos penyediaan laporan awal pengauditan ICT dari \$86,258.49 ke \$6,190.80 iaitu penurunan sebanyak 92.8%.
- Penggunaan *database tool* dan contoh daftar catatan sebagai pusat rujukan dan pengumpulan maklumat memudahkan dan mempercepatkan penyediaan laporan awal.
- Membantu mempertingkatkan produktiviti dan prestasi jabatan.
- Memberi nilai tambah dan sebagai pemudahcara kepada pasukan pengauditan ICT.
- Pengurusan masa yang bijak dan teratur.

Faedah Tidak Ketara

- Meningkatkan kemahiran, keyakinan diri dan kompetensi pasukan.
- Memupuk budaya kerja berpasukan dalam menyelesaikan masalah-masalah sama ada dalam pejabat atau projek yang dijalankan.
- Pasukan dapat memfokuskan kepada pengauditan yang lebih kompleks seperti pengauditan berasaskan risiko, pengauditan pematuhan, pengauditan pengurusan dan pengauditan prestasi.
- *Database tool* dan contoh daftar catatan boleh digunakan oleh pasukan pengauditan di bahagian lain.





KUMPULAN TIDUA-BINA

Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri

Projek : Pengeluaran Lapuran Pengauditan Kontrak Pembinaan Tidak Menepati Sasaran Masa
Dalam Rancangan Korporat



AHLI-AHLI

Awang Razaimi bin Adam - Fasilitator

Dayang Dina Afida binti Haji Ahmad - Ketua Kumpulan

Awang Mohammad Shariman bin Haji Rosli

Awang Ahmad Kasranuddin bin Haji Abd Wahid

Awang Aliudin bin Haji Badarudin

Dayang Mahani binti Haji Mohamad Yassin

PENGENALAN

Bahagian Kontrak Pembinaan, Jabatan Audit bertanggungjawab melaksanakan pengauditan ke atas projek-projek Rancangan Kemajuan Negara dan dikehendaki untuk mengeluarkan laporan pada jumlah yang ditetapkan dalam Rancangan Korporat Jabatan Audit. Bagaimanapun, pihak pengurusan mendapati hasil pengeluaran laporan Bahagian Kontrak Pembinaan tidak menepati sasaran.

Oleh yang demikian, Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) yang dinamakan Kumpulan TIDUA-BINA yang terdiri dari seorang fasilitator, seorang ketua kumpulan serta empat orang ahli. Ia dihasratkan untuk dapat mencari jalan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi supaya pengeluaran laporan pengauditan dapat dipertingkatkan.

Pemilihan cara penyelesaian masalah dengan mengikut kaedah KKC ini diharapkan akan dapat menyelesaikan masalah secara bersistematik bagi mencapai hasil yang lebih baik berbanding dengan usaha-usaha yang dijalankan sebelum ini. Sehubungan itu, projek ini akan melibatkan penggunaan teknologi dan info-komunikasi secara intensif di samping membuat perubahan yang diperlukan dalam pendekatan kerja-kerja pengauditan.



FAEDAH-FAEDAH

Faerah Ketara

- Pengeluaran laporan pengauditan telah berjaya menepati sasaran 3 laporan dalam setahun bagi satu pasukan.
- Tempoh penyelesaian laporan berjaya dikurangkan dari 118 hari ke 82 hari bekerja dengan penjimatan kos sebanyak \$23,293.44 bagi tempoh 36 hari (118-82 hari bekerja) untuk tiga laporan (rujuk Lampiran F1.1).
- Penggunaan *standard checklist* telah mempercepatkan dan memberikan keyakinan untuk Pegawai/ Kakitangan melaksanakan pengauditan.
- Penggunaan sistem rujukan MS Access memberi kemudahan rujukan semasa penyediaan laporan.

Faerah Tidak Ketara

- Meningkatkan kemahiran dan kompetensi pasukan.
- Memupuk budaya kerja berpasukan dalam menyelesaikan masalah-masalah sama ada dalam pejabat atau projek yang dijalankan.
- Melahirkan ahli-ahli kumpulan yang komited, proaktif dan berkeyakinan.
- Pasukan dapat memfokuskan kepada pengauditan yang lebih kompleks seperti pengauditan PNT dan PNR yang berasaskan risiko termasuk pengauditan kawalan dan pematuhan.
- *Standard checklist* boleh digunakan oleh Pegawai / Kakitangan Audit dan Kementerian / Jabatan yang mengendalikan projek-projek RKN.





KUMPULAN LIFESAVER 995
Balai Bomba Sungai Liang Cawangan Operasi ‘B’
Projek : Meningkatkan Pengetahuan Tatacara Penggunaan Alat Pemadam Api
Kepada Masyarakat Umum



AHLI-AHLI

Awang Muhamad Ali bin Hassan - Fasilitator

DSO Azami bin Haji Ali - Ketua Kumpulan

Awang Muhd. Ermie Hasbullah bin Abdullah Mahari

Awang Kamalzurzaman bin Musa

Awang Mohd Sallehin bin Abd Aziz

Awang Mohd Edi Azrin bin Hedde Razaiman

PENGENALAN

Projek KKC yang dilaksanakan adalah menjurus kepada bidang tugas utama Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui Cawangan Operasi dengan memfokuskan kepada pemedulian kepada masyarakat umum dalam usaha mengurangkan kadar kejadian kebakaran dan juga jumlah kerugian akibat kebakaran setiap tahun adalah salah satu usaha mendukung pelan strategik Jabatan Bomba dan Penyelamat dan juga seperti yang termaktub dalam perundangan Akta Perkhidmatan Bomba Pindaan (2002). Ke arah itu Kumpulan Kerja Cemerlang Lifesaver 995 ditubuhkan bagi membentuk satu ‘teamwork’ yang akan melaksanakan projek ini dengan menggunakan sistem atau prinsip KKC iaitu melalui kaedah RLST (Rancang, Laksana, Semak, Tindak)

Kaedah-kaedah yang digunakan ialah melalui permesyuaratan, percambahan fikiran, teknik-teknik pemilihan, Tulang ikan, CartaGantt, Pareto, Medan daya dan sebagainya untuk mencari solusi yang berkesan ke arah usaha di dalam penambahbaikan setelah menganalisa projek kumpulan ini.



Projek ini dijangka akan dapat menyelesaikan salah satu permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat umum khususnya di kawasan pedalaman dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda iaitu **MENINGKATKAN PENGETAHUAN TATACARA PENGGUNAAN ALAT PEMADAM API KEPADA MASYARAKAT UMUM.**

Penyebab-penyebab utama kepada tajuk projek tersebut akan dianalisa di dalam proses KKC di mana penyelesaian masalah tersebut akan diselesaikan mengikut solusi-solusi yang diketengahkan bagi mengatasi masalah tersebut sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah yang dihadapi.

FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

- Peningkatan dari segi pengetahuan penduduk kampung 100% mengetahui.
- Komitmen penduduk kampung 100% menyerlah.
- Meningkatkan keyakinan diri dari tidak mengetahui 100% meningkat.
- Alat pemadam api mudah alih 100 % sentiasa dimiliki dan sedia untuk digunakan.
- Menjamin keselamatan nyawa dan harta-benda 100% terjamin.
- Menggerakkan silaturahim Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan masyarakat kampung.
- Sikap pemedulian Kerajaan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat terhadap penduduk kampung di pedalaman dikelilinga dan diambil peduli.
- Penduduk kampung dapat melaksanakan tanggungjawab atas keselamatan nyawa, rumah dan harta-benda sendiri.

Faedah Tidak Ketara

- Melahirkan penduduk kampung yang berpengetahuan mengenai dengan alat pemadam api.
- Imej Jabatan meningkat.
- Mengurangkan beban risiko yang dihadapi.
- Tidak ada pembaziran aset kecemasan seperti penggunaan jentera Bomba.
- Pengurangan kadar jumlah kerugian, kematian, kecederaan dan kerosakan harta-benda.
- Anggota Bomba Sungai Liang dapat mengetahui tempat bahaya risiko di kawasan tersebut.
- Anggota Bomba Sungai Liang dapat mengenal pasti tempat-tempat rumah, bilik bagi Orang Kurang Upaya (OKU), Warga Emas, Sakit Tenat dan Orang Istimewa bagi kemudahan keutamaan (*Top Priority*) penyelamatan.
- Kumpulan ini berjaya menghasilkan pemetaan bahaya (*Hazard Mapping*) yang dapat menggambarkan lokasi kampung tersebut bagi kemudahan operasi sebarang kecemasan atau bencana yang berlaku.





KUMPULAN RAKIT
Unit Keselamatan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri
Projek : Pengawal Keselamatan Lewat Hadir Bertugas



AHLI-AHLI

Awang Haji Hamdillah bin Haji Abd Hamid - Ketua Kumpulan

Awang Tahir bin Haji Kula

Awang Kamaluddin bin Haji Tinggal

Awang Muhd Muksen bin Abdullah Kapal

Awang Haji Zulaini bin Haji Jamahat

Awang Mulyadi bin Haji Awang Akub

Awang Mohd Faisal bin Hashim

PENGENALAN

Kumpulan “RAKIT” terdiri daripada lapan (8) orang anggota kumpulan termasuk seorang (1) fasilitator daripada Unit Keselamatan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri. Anggota kumpulan telah pun mengadakan perjumpaan sebanyak dua (2) kali seminggu bagi tempoh lima (5) bulan dan peratus kehadiran ahli pada perjumpaan berkenaan adalah 90%.

Di peringkat permulaan, anggota kumpulan menyenaraikan sebanyak dua puluh satu (21) masalah melalui percambahan fikiran dan disenarai pendekkan menjadi sepuluh (10) masalah melalui kaedah kedudukan “*Rangking*”. Setelah itu, kumpulan kami bersetuju menggunakan kaedah sebulat suara bagi memilih empat (4) masalah yang berpotensi dijadikan projek besar di dalam tajuk projek KKC kami.

Bagi penelitian tajuk projek anggota kumpulan menggunakan kaedah matrik keputusan perseorangan dan kumpulan, melalui kaedah berkenaan masalah yang memperolehi jumlah angka yang besar iaitu 98 adalah “**PENGAWAL KESELAMATAN LEWAT HADIR BERTUGAS**”.



Definisi, latar belakang serta putaran syif bertugas bagi tajuk projek yang dipilih diuraikan untuk memudahkan penjelasan dan kefahaman mengenainya.

Di peringkat pertengahan, anggota kumpulan mengambil masa selama tiga (3) bulan bermula minggu ketiga (3) dalam bulan Januari 2013 hingga penghujung bulan April 2013 bagi memahami situasi, mengumpul dan menganalisa data, menetapkan dan menentukan masalah serta membuat cadangan penyelesaian melalui kaedah carta aliran, lembaran semak, jadual ringkas, rajah pareto dan tulang ikan.

Tiga (3) cadangan penyelesaian iaitu 1) Motivasi, 2) Kaunseling dan 3) Amaran Lisan dipilih berdasarkan ianya mudah dilaksanakan dan dapat membantu mencapai sasaran serta tidak memerlukan peruntukan yang banyak.

Di peringkat akhir, anggota kumpulan telahpun menjalankan uji cuba terhadap cadangan penyelesaian dan seterusnya membuat semakan terhadap uji cuba berkenaan dan mendapati uji cuba berkenaan berkesan serta dapat meningkatkan keberkesanannya dan kesedaran diri individu di dalam menjalankan tugas dengan lebih dedikasi.

Kumpulan kami berkeyakinan bagi uji cuba yang seterusnya terhadap masalah-masalah yang terdapat dalam projek ini akan dapat diselesaikan.

FAEAH-FAEAH

Faerah Ketara

- Semua ahli kumpulan dapat memahami, mempelajari dan menggunakan kaedah-kaedah yang terdapat di dalam KKC untuk proses penilaian, penelitian yang seimbang dan menyelesaikan sesuatu masalah yang sudah dikenalpasti dengan lebih kreatif.
- Semua anggota kumpulan dapat bekerjasama dengan baik dan bersistematik yang mana ianya merupakan perubahan yang boleh meningkatkan perkhidmatan.
- Dapat meningkatkan atau pemberian dari segi perkhidmatan dan peraturan-peraturan yang telah sedia ada.
- Memperolehi pengalaman, pendedahan pengetahuan dan latihan perkara-perkara baru “tools” dan garis pandu menangani permasalahan yang dihadapi serta jalan penyelesaiannya. Kebaikan dan faerah yang diperolehi oleh kumpulan.
- Membantu menyumbang dalam mengumpulkan fakta-fakta yang jelas mengenai permasalahan yang dihadapi dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.



Faerah Tidak Ketara

- Kumpulan merasa puas dengan usaha dan pencapaian yang dibuat.
- Kesedaran dalam mematuhi pengurusan masa.
- Pengawal keselamatan akan lebih bertanggungjawab.
- Pengawal keselamatan mengutamakan tugas dan memahami keperluan perancangan.
- Semangat perpaduan dan kerjasama bekerjasama secara berkumpulan meningkat.
- Meningkatkan mutu kerja serta mendorong semangat jati diri kepada pengawal bertugas dari segi pengawalan yang sistemetic.
- Dapat meningkatkan imej Jabatan.
- Meningkatkan keyakinan dan penglibatan dalam melaksanakan projek KKC dan dapat mengendalikan tugas menurut garis pandu dengan lebih teratur.
- Menyemai dan memupuk rasa persahabatan dari latar belakang yang berbeza.





KUMPULAN 360 DEGREE
Jabatan Perkhidmatan Pengurusan
Projek : Persekutuan Pejabat Yang Kurang Memuaskan



AHLI-AHLI

Dayang Hasrinah binti Matyassin - Fasilitator

Lim Kim Dien- Ketua Kumpulan

Awang Roshdi bin Bahrain

Dayang Siti Khadijah binti Haji Abdullah

Awang Mohd Azrein bin Haji Alamin

Dayang Asmah binti Haji Sabar

Awangku Hussni bin Pengiran Hassan

PENGENALAN

Persekutuan ruang kerja adalah merupakan salah satu aspek penting dalam mana-mana jabatan atau institusi mahupun kecil atau yang besar. Persekutuan yang selesa memberikan kesan positif yang mempengaruhi imej dan prestasi sesebuah organisasi. Di samping itu, apa jua perkara yang berkaitan dengan persekitaran sangat berkait rapat dengan tahap keberkesanan sesebuah organisasi itu menjalankan fungsi utamanya dan juga tugas-tugas harian.

Seperti kebanyakan institusi-institusi dan jabatan-jabatan lain, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) juga mengalami beberapa masalah yang berhubungkait dengan persekitaran ruang kerja seperti ruangan pejabat yang sesak dan pencehayaan yang tidak sesuai menyebabkan ketidakselesaan, peralatan pejabat susah dikesan selepas digunakan dan keselamatan pejabat yang kurang diambil perhatian. Maka dengan itu MSD selaku pemangkin perubahan telah mengambil inisiatif untuk memberkesan lagi tahap keselesaan persekitaran Jabatan.



Kumpulan 360 Degree telah bersepakat dan bersetuju memilih projek bertajuk “Persekutaran Pejabat Yang Kurang Memuaskan” untuk diselesaikan dengan segera memandangkan projek ini akan memberikan impak yang besar kepada Jabatan ini.

Objektif utama projek ialah untuk mewujudkan satu mekanisme yang boleh membantu meningkatkan tahap persekitaran pejabat menjadi lebih baik dengan menyediakan peraturan dan Manual Prosedur Kerja.

Antara manfaat lain yang dapat diperolehi daripada pelaksanaan projek ini ialah pemantauan terhadap persekitaran dapat dibuat secara konsisten dan berterusan. Selain itu, penggunaan kawasan kerja yang terhad dapat digunakan dengan baik. Kesan daripada projek ini nanti diharap dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya proses kerja dengan mewujudkan persekitaran kerja yang selesa dan selamat dan secara tidak langsung meningkatkan produk dan hasil kerja yang berkualiti.

FAEDAH-FAEDAH

FAEDAH KETARA	FAEDAH TIDAK KETARA
Satu Piawai/Garis pandu Amalan 5S telah diperkenalkan dan dikongsikan	Produktiviti Kerja Meningkat
Satu Sistem Penyusunan fail yang lebih teratur	Meningkatkan keyakinan diri
Satu Proses Kerja Penyelenggaraan Kerosakan Peralatan Pejabat yang lebih ringkas	Meningkatkan kerjasama berpasukan
Satu Sistem Inventori yang lebih teratur dan memudahkan pencarian barang	Mengeratkan hubungan
Satu Borang Kerosakan Perabot dan Peralatan Pejabat telah diperkenalkan	Meningkatkan motivasi kerja
Persekutaran Pejabat yang bersih, kemas dan selamat	Hasil kerja yang berkualiti
Penggunaan bilik stor lebih teratur.	Meningkatkan disiplin diri





KUMPULAN B.I.T

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Projek : Proses Menunggu Untuk Mendapatkan Khidmat Rawatan Haiwan Kesayangan
Melebihi 30 Minit



AHLI-AHLI

Awang Has Dattulamin bin Haji Mohd Tahir - Fasilitator

Dayang Rosnah binti Jolihi - Ketua Kumpulan

Awang Sani bin Haji Munggu

Dayang Siti Zulwati binti Abd Razak

Dayang Hajah Noraidah binti Haji Mohd Zaidi

Pengiran Haji Duraman bin Pengiran Damit

Awang Haji Abd Harris bin Haji Simpol

Awang Haji Rosman bin Haji Asmat

PENGENALAN

Kumpulan B.I.T telah ditubuhkan pada 6 Jamadilawal 1434H bersamaan 18 Mac 2013M dan terdiri daripada seorang fasilitator dan 7 orang ahli.

Kumpulan telah memilih tajuk “**PROSES MENUNGGU UNTUK MENDAPATKAN KHIDMAT RAWATAN HAIWAN KESAYANGAN MELEBIHI 30 MINIT**”. Ini dipilih khusus untuk menangani masalah yang dihadapi iaitu bagi memberi keselesaan dan pemedulian yang optimum kepada pelanggan berpandukan kaedah Kumpulan Kerja Cemerlang melalui RLST projek untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja bagi mengawal selia penyakit haiwan di Negara Brunei Darussalam khasnya dan memberikan imej yang baik kepada Klinik Haiwan, Terunjing khasnya dan Jabatan keseluruhannya. Keramaian pelanggan akan meningkat semasa cuti sekolah menyebabkan tempoh masa menunggu untuk rawatan menjadi terlalu lama. Sehingga kini jumlah pelanggan yang berdaftar melebihi 17 ribu orang.



FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

- Berjaya memendekkan tempoh masa menunggu bagi mendapatkan khidmat rawatan dari purata 30 minit kepada **16 minit**. Yang mana menurunkan sebanyak **86%** penurunan iaitu melebihi 6% dari sasaran sebenar iaitu 80%.

Faedah Tidak Ketara

- Menjadi salah satu sumber rujukan utama negara dalam hal ehwal penjagaan kesihatan dan kawalan penyakit haiwan dalam meningkatkan kesedaran dan kewaspadaan pelanggan dan orang ramai terhadap bahayanya penyakit zoonotik haiwan. Dengan tidak secara langsung mewujudkan penggunaan sistem pangkalan data di Klinik Haiwan untuk jangka masa panjang.





KUMPULAN AMT

**Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama, Jabatan Pentadbiran dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan
Projek : Kelambatan Proses Pembayaran Tuntutan**



AHLI-AHLI

Awang Haji Johari bin Haji Usop @ Haji Muda - Fasilitator

Awang Bahrin bin Haji Baha - Ketua Kumpulan

Awang A'srul bin Haji Masri

Dayang Norliany binti Abd Kadir

Dayang Siti Norhasimah binti Mohd Ardi

Dayang Norsham binti Ahmad

PENGENALAN

Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama adalah di antara Bahagian yang besar di Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan dan bertanggungjawab mengendalikan dan menguruskan permohonan jamuan bagi Kementerian Pendidikan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya termasuk permohonan jamuan sekolah rendah, menengah, vokasional dan maktab seluruh Negara yang termasuk program tahunan Kementerian Pendidikan.

Projek Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) telah dapat memberikan faedah yang sangat besar kepada Pegawai dan Kakitangan, Unit Pentadbiran dan Kewangan khususnya dalam pengurusan dan pengendalian pembayaran membekalkan jamuan.

Projek yang dipilih adalah sangat bertepatan memandangkan permohonan jamuan semakin meningkat dengan perbelanjaan yang besar dan permasalahan yang dihadapi.



Projek Kumpulan ini, telah mengenalpasti beberapa sebab masalah dari lembaran semak iaitu :-

1. Kerja yang rencam
2. Dokumen tidak disertakan
3. Keterangan permohonan lambat diterima
4. Borang tidak lengkap

Dari rajah sebab akibat (Tulang Ikan) telah mendapati 4 penyebab utama dan kerja terlalu banyak adalah masalah besar sebab akibat dan cara penyelesaian yang terbaik ialah tuntutan yang dihadapkan hendaklah menyatakan keutamaan tarikh dan tempoh TPOR. Cadangan penyelesaian ini banyak mendatangkan kebaikan dan membuat penelitian dan menandatangani permohonan yang awal dihadapkan, borang permohonan dan '*purchase order*' yang dihadapkan untuk dibenarkan dan dilulus hendaklah ditanda dengan jelas dan permohonan yang hendak dibenarkan dan dilulus tidak dihadapkan secara terkumpul.

Melalui KKC telah berjaya mengadakan pembaharuan dan pemberian dalam mengemaskinikan syarat-syarat semasa menghadapkan tuntutan, mengemaskinikan '*check list*' bagi syarikat katera yang berdaftar, mengemaskinikanuraian tugas kakitangan yang menerima permohonan, pengenalan Borang JH1 bagi permohonan jamuan bagi menggantikan yang lama dan mengenalkan sistem penerimaan tuntutan atau *invoice* secara berkomputer yang boleh mengenalpasti senarai keseluruhan syarikat katera yang menghadapkan tuntutan dan senarai syarikat yang menghadapkan tuntutan.

Uji cuba penyelesaian telah dibuat pada **2 hingga 30 Mei 2013** dan telah menerima 331 permohonan dan sebanyak 64 kesalahan dan pencapaian 81% adalah melebihi sasaran awal kumpulan iaitu 78%.

FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

- Carta aliran lebih teratur, TPOR 43 hari kepada 29 hari, peraturan menghadapkan permohonan lebih jelas, '*check list*' bagi syarikat yang berdaftar telah dikemaskinikan, kerja semakin lancar dan mudah.

Faedah Tidak Ketara

- Mempunyai sikap lebih yakin diri, dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan lebih baik, meningkat motivasi diri, memupuk semangat kerja berpasukan dan bantu membantu, mempunyai sikap ambil peduli dan mewujudkan sistem pengurusan yang lebih baik.





KUMPULAN PENA
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Penerangan
Projek : Penggunaan Telefon Yang Tidak Terkawal



AHLI-AHLI

Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar - Fasilitator

Awang Hilmy bin Haji Zainal - Ketua Kumpulan

Awang Lamit bin Matzin

Awang Haji Kamaran bin Haji Bungsu

Dayang Hajah Noraini binti Haji Rakawi

Dayang Hajah Mariam binti Haji Abd Rahman

Dayang Nor Ajijah binti Haji Mohammad

Dayang Norhanim binti Haji Tundak

Dayang Ruziah binti Haji Zakeria

Awang Julkifli bin Haji Rungging

PENGENALAN

Satu Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) yang diberikan nama PENA telah ditubuhkan pada Februari 2013 yang lalu.

Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan seramai 8 orang.

Tajuk projek KKC bagi kumpulan ini adalah **PENGGUNAAN TELEFON YANG TIDAK TERKAWAL**.

Di Jabatan ini terdapat 53 talian terus dan 64 *extension*. Jika dinilai dari keramaian Pegawai dan Kakitangan di Jabatan ini talian terus dan *extension* yang ada adalah dikira banyak iaitu dengan *ratio* setiap 4 orang satu talian terus dan setiap 3 orang satu - *extension*.



Di samping itu kesemua talian terus dan *extension* dibekalkan dengan STD dan sebilangan talian dibekalkan dengan IDD bermakna setiap Pegawai / Kakitangan boleh membuat panggilan ke i) luar daerah dan ii) telefon bimbit serta iii) sebagiannya ke luar negeri.

Jika perkara ini tidak dikawal ianya akan memberikan peluang bagi Pegawai/Kakitangan menggunakan talian dan *extension* berkenaan untuk urusan peribadi. Perkara ini akan mendatangkan kesan negatif kepada perbelanjaan pejabat. Jabatan ini membayar purata dari \$5000 ke \$6000 sebulan bagi tuntutan telefon.

Kumpulan ini menggunakan kaedah RLST yang lazimnya digunakan dalam projek KKC.

Hasil dari projek ini beberapa tindakan dan piawaian telah dilaksanakan agar ia dapat mencapai sasaran. Buat masa ini Jabatan masih lagi menunggu tuntutan terbaru (bulan Jun 2013) dari pihak TELBRU untuk memastikan projek ini berhasil.

FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

- Menjimatkan perbelanjaan Jabatan seperti berikut :
 - Sewa Talian turun daripada \$1807.9 menjadi \$1573.1
 - Penggunaan turun daripada \$633.72 menjadi \$548.34
 - *Admin Fee* turun daripada \$722.36 menjadi \$0
 - Jumlah yang dijimatkan ialah **\$1042.54** sebulan dan lebih kurang \$12510.48 setahun.
- Penggunaan telefon yang lebih terkawal
 - **25 talian terus (*direct line* telah dipotong).**
 - **46 talian *extension* akan ditiadakan kemudahan STD.**
- Mengurangkan penggunaan talian telefon untuk urusan peribadi.
- Mengelakkan penyalahgunaan talian telefon.



Faedah Tidak Ketara

- Meningkatkan mutu kerja.
- Menanam sikap positif dan meningkatkan motivasi diri.
- Meningkatkan kemahiran berkomunikasi antara ahli.
- Mewujudkan pemahaman tentang projek ini.
- Mewujudkan persefahaman fikiran.
- Berkongsi buah fikiran dengan mengadakan percambahan fikiran.
- Meningkatkan kesedaran ahli kepada kepentingan kualiti perkhidmatan.
- Berkongsi masalah sesama ahli dan bersama mengatasinya.
- Memperbaiki diri baik secara individu mahupun secara berkumpulan.
- Meningkatkan kesedaran ahli kepada kepentingan penjimatan.



KUMPULAN MS50

Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan

Projek : Penghasilan Peta Berskala 1:50,000 Tidak Menepati Objectif
Perancangan Berkualiti (QPO)



AHLI-AHLI

Dayang Rafidah binti Haji Berudin – Ketua Kumpulan

Dayang Maharhani binti Haji Othman

Dayang Hajah Zuraidah binti Haji Ismail

Dayang Hanisah binti Haji Timbang

Awang Muhd Shafiq bin Haji Ahmad


Awang Abdul Azri bin Roslan

PENGENALAN

Jabatan Ukur bertanggungjawab menyediakan, menghasilkan, mengeluarkan dan membekalkan peta berbagai skala bagi seluruh kawasan Negara Brunei Darussalam bagi kegunaan agensi-agensi Kerajaan, swasta dan orang awam untuk tujuan perancangan, kajian dan pembangunan Negara.

Peta berskala 1:50,000 adalah salah satu peta bersiri yang dihasilkan oleh Jabatan Ukur yang disediakan oleh Unit Map Series, Bahagian Pemetaan GIS. Terdapat sebanyak 15 lembaran peta berskala 1:50,000 yang merangkumi seluruh kawasan Negara Brunei Darussalam.

Bahagian Pemetaan GIS mensasarkan enam lembaran peta yang perlu dihasilkan melalui perancangan tahunan (QPO). Dari mula Unit *Map Series* ditubuhkan pada bulan Disember 2009 penghasilan peta berskala 1:50,000 telah tidak menepati sasaran yang ditetapkan. Pada keseluruhan pencapaian tahunan hanya di tahap 50 peratus yang mana lembaran yang belum selesai dibawa ke perancangan tahun berikutnya. Tempoh bagi menghasilkan satu lembaran peta berskala 1:50,000 mengambil masa selama 256 hari. Pembuatan peta dilaksanakan secara sepenuh masa berpandukan proses kerja yang



disediakan. Proses pembuatan peta melibatkan pembuat peta dan penyemak peta sebelum dibenarkan oleh (Ketua Bahagian Pemetaan GIS). Penyemakan peta dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Arahan pembetulan dikeluarkan di setiap peringkat dan dikembalikan kepada pembuat peta untuk pembetulan. Ini mengakibatkan penghasilan peta berskala 1:50,000 mengambil masa dan seterusnya menyebabkan kegagalan dalam mencapai QPO.

FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

- Bilangan kesalahan terkumpul menurun daripada 121 kepada 14 selepas ujicuba.
- Penghasilan peta dapat dipercepatkan daripada 256 hari kepada 47 hari.
- Dua lembaran telah dihasilkan dalam jangka masa empat bulan bererti dalam setahun enam lembaran dapat dihasilkan dan seterusnya mencapai QPO.
- Spesifikasi bagi peta berskala 1:50,000 telah berjaya dihasilkan dan digunakan.





KUMPULAN TEKAD KEJAYAAN
Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan
Projek : Maklumat Pemeriksaan Kesihatan Yang Kurang Efektif Dan Efisien
Kepada Kakitangan Dan Pelanggan



AHLI-AHLI

Dayang Zulia binti Haji Harun - Ketua Kumpulan
Dayang Suriani binti Haji Mohin
Dayang Adina Jeslina binti Abdullah
Dayang Norafni binti Haji Inche Ahmad
Awang Mohd Salleh bin Md Som
Dayang Rahimah binti Ibrahim
Dayang Timah @ Salmah binti Haji Ahmad

PENGENALAN

Kumpulan ini ditubuhkan pada 27 September, 2010 dan atas persetujuan semua ahli, kumpulan ini dinamakan "**Tekad Kejayaan**". Kumpulan ini bertekad untuk berjaya dalam penyertaan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) dan mencapai matlamat bagi menyelesaikan masalah projek yang dipilih demi menuju ke arah perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti khasnya untuk pemedulian Pelanggan.

Putaran Rancang, Laksana, Semak, Tindak telah digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dipilih. Tajuk projek yang dipilih ialah Maklumat Pemeriksaan Kesihatan Yang Kurang Efektif dan Efisien kepada Kakitangan dan Pelanggan.

Definasi bagi tajuk projek kami ialah maklumat atau penerangan yang diberikan kepada pelanggan berkenaan proses menjalani pemeriksaan kesihatan (*medical fitness*) untuk mengesahkan tahap kesihatan pemohon (membuktikan pemohon sihat untuk bekerja dan memenuhi piawaian yang dikehendaki) adalah kurang berkesan dan sempurna.



Penyelesaian yang dipilih ialah dengan membuat Poster, Brosur, Peta, Data Semak, MPK, Garispandu pemeriksaan kesihatan.

Faedah yang paling ketara ialah penurunan masalah yang menurun melebihi '*bench marking*' yang telah ditetapkan setelah perlaksanaan dibuat.

FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

- Jumlah bagi masalah penerangan maklumat berulang-ulang menurun.
- Lebih peka dengan tempat-tempat yang harus dituju dengan merujuk garispandu yang disediakan.
- Masalah pemohon yang tidak mengikut piawaian pemeriksaan kesihatan telah menurun dengan sangat ketara.
- Pelanggan dapat membuat perancangan bagi menjalani Pemeriksaan Kesihatan yang dibuat.
- Memudahkan dan mempercepat proses kerja Unit Pemeriksaan Kesihatan, Bahagian Rekod Perubatan Hospital R.I.P.A.S.

Faedah Tidak Ketara

- Lebih bersistematis dan kerja lebih selaras dan seragam.
- Kakitangan lebih berkeyakinan.
- Keselesaan kepada Pelanggan.
- Mengurangkan pembaziran masa.
- Membuka minda setiap ahli supaya lebih positif dan berani menyuarakan ide ketika mencari 'penyelesaian masalah'.





KUMPULAN RAINBOW
Jabatan Biro Kawalan Narkotik
Projek : Sistem Pengumpulan Resit Kad Inden Pembelian Minyak
Kurang Berkesan



AHLI-AHLI

Dayang Hajah Latipah binti Haji Mohd Ali - Fasilitator

Awang Ardeshir Zahedi bin Momin - Ketua Kumpulan

Awang Haji Mohd Faiz bin Haji Mahanin

Dayang Stella Ho Yin Phin

Dayang Zuratulaini binti Haji Marani

Dayang Rahti binti Haji Juni

PENGENALAN

Projek ini dijalankan untuk mengatasi masalah Sistem Pengumpulan Resit Kad Inden Pembelian Minyak Kurang Berkesan. Mereka yang terlibat dalam pengendalian projek ini ialah Pemegang Kad Inden Pembelian Minyak seluruh Daerah, Penyelaras Kenderaan dan Penyelaras Prokumen dan Aset, Cawangan Perkhidmatan Am. Tinjauan awal untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi Biro Kawalan Narkotik dalam perkara tersebut telah dijalankan dengan menganalisa maklumat-maklumat dan dokumen salinan resit dan invois daripada pihak bank BIBD dalam simpanan Bahagian Prokumen dan Aset, Biro Kawalan Narkotik dari Minggu Pertama Mac 2013 hingga Minggu Keempat Mac 2013. Berdasarkan Lembaran Semak sepanjang bulan yang dinyatakan, sebanyak 53 resit didapati lewat diserahkan. Analisis Rajah Pareto bagi Minggu Pertama dan Minggu Kedua Mac 2013 menyokong dapatan tersebut. Pemegang KIPM didapati lewat mengemukakan resit adalah merupakan sebab yang menonjol sebagai penyebab kepada masalah ini dan memerlukan penyelesaian. Manakala hasil daripada penganalisisan melalui kaedah Sebab Dan Akibat mendapati bahawa keadaan fizikal resit dan tiada campurtangan Ketua Cawangan, Ketua Unit Daerah dan wakil menyumbang kepada terhasilnya permasalahan lewat mengemukakan resit. Bagi mengatasi masalah tersebut, kaedah Rajah



Pokok dan Analisis Medan Daya telah digunakan untuk mencari penyelesaian dan mengukuhkan lagi dapatan analisa awal. Cadangan Penyelesaian yang dikemukakan ialah Mengamanahkan Ketua Cawangan dan Ketua Unit Daerah atau wakil mengawal resit khas dan Kad Inden. Didapati cadangan penyelesaian tersebut dapat mengurangkan punca masalah sehingga 100%. Di samping itu, punca masalah lain juga menurun 100% dan dapat ditangani keseluruhannya. Peningkatan hasil kerja Pegawai dan Kakitangan juga begitu ketara serta boleh memperkuatkan kelangsungan kejayaan BKN dalam menangani masalah yang dihadapi. Hasil pemantauan yang dibuat dari Minggu Pertama Jun 2013 hingga Minggu Keempat Jun 2013 jelas menunjukkan penurunan 100% masalah dan sehingga kini belum ada masalah berbangkit mengenai cadangan penyelesaian ini.

FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

Kumpulan RAINBOW mengkaji cara untuk mengurangkan kelewatian Pemegang KIPM mengemukakan resit pembelian minyak kepada Bahagian Prokumen dan Aset. Hasil FAEDAH KETARA yang dapat direkodkan oleh Kumpulan RAINBOW adalah seperti berikut :

- Pengurangan Kos Operasi
 - Penjimatan Penggunaan Kertas.
 - Penjimatan Masa.
- Peningkatan Hasil Kerja
 - Dapat menghasilkan proses kerja baru yang lebih bersistematik dalam pengumpulan resit untuk kemudahan Pegawai-Pegawai.
 - Menghasilkan dan menciptakan Buku Resit Pergerakan Kad Inden sebagai salah satu pamacu kepada peningkatan hasil kerja Pegawai-Pegawai dan Kakitangan.
 - Tugas yang dikendalikan lebih teratur tanpa membuang masa menagih Pemegang KIPM dan ke sana ke mari mencari keberadaan mereka untuk mengumpulkan resit pembelian minyak.
 - Ketua Cawangan dan KUD telah menghubungi sendiri Penolong Pengarah Perkhidmatan Am dan Fasilitator, memaklumkan mereka mendapati Pegawai Pengawal yang dilantik dan Pegawai Bawahan saling ingat-mengingati mengenai bila tarikh selanjutnya mengemukakan resit.



Faedah Tidak Ketara

- Pegawai dan Kakitangan BKN
 - Proses kerja lebih bersistematik.
 - Memupuk sikap berdisiplin di kalangan Pegawai Bawahan dan mengeratkan hubungan kerjasama antara Pegawai Atasan dengan Pegawai Bawahan mereka.
 - Menanamkan sikap berjimat cermat di kalangan Pegawai dan menghargai sumbangan mereka yang berdiri di belakang kejayaan mereka dalam mengendalikan tugas rutin harian.
 - Mutu kerja dapat dipertingkatkan.
 - Dapat mengekang Pegawai dan Kakitangan daripada pecah amanah, penyelewengan dan sebarang penyalahgunaan.
- Organisasi dan Cawangan
 - Penyampaian perkhidmatan lebih berkualiti dan cemerlang.
 - Kos, masa dan tenaga Pegawai dan Kakitangan dapat dijimatkan.
 - Membudayakan kerja yang berkualiti.
 - Penyampaian perkhidmatan yang lebih bersistematik.



KUMPULAN BAKUT
Jabatan Ukur
Projek : Kaedah Pengurusan Maklumat Yang Lebih Bersistematisik



AHLI-AHLI

Awang Haji Julaihi bin Haji Lamat - Fasilitator

Awang Muhammad Hifney bin Haji Abd Rahman - Ketua Kumpulan

Awang Haji Zool Hilmi bin Haji Matahir

Dayang Hajah Nona Lieza binti Haji Yahya

Awangku Md Hambali Nur Taufiq Minallah bin Pengiran Anak Ishaq

Dayang Nazurah binti Awang Haji Sahat

Dayang Siti Nurul Azeerah binti Zainudin

PENGENALAN

Pusat Maklumat Geomatik (PMG) adalah merupakan tempat di mana maklumat-maklumat ukur dan pemetaan dalam bentuk kertas tersimpan. Selain itu, PMG juga menyediakan perkhidmatan seperti cetakan lembaran RSO, pelan akui, permohonan hala kiblat, menyukat tanah tumpang sementara atau tanah bergeran. Pelanggan adalah terdiri daripada dalam dan luar jabatan termasuk orang ramai yang membuat permohonan untuk keperluan maklumat-maklumat ukur masing-masing.

PMG telah menyediakan sistem fail menggunakan almari mudah alih dan juga sistem barkoding telah pun diperkenalkan beberapa tahun yang lalu, walaubagaimanapun ianya masih kurang efektif memandangkan keadaan PMG yang tidak teratur kerana terlalu banyak fail / maklumat yang disimpan dari masa kesmasa.

FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

- Tidak ada lagi fail-fail SP yang berlonggokan di mana semuanya sudah disimpan di tempat yang sepatutnya.
- Fail-fail SP yang baru didaftarkan dipastikan mempunyai tempat penyimpanan.
- Fail-fail di almari mudah alih tersusun dengan rapi.



- Pelanggan menunggu maklumat berkurangan.
- Fail-fail SP yang didapati tersalah simpan berkurangan.
- Pusat maklumat geomatik nampak lebih teratur.

Faedah Tidak Ketara

- Meningkatkan mutu perkhidmatan.
- Pelanggan lebih berpuas hati.
- Menanamkan sikap bekerjasama di antara Kakitangan PMG.
- Mewujudkan pemahaman dalam projek ini dan juga fikiran masing-masing.
- Mewujudkan persefahaman fikiran.
- Meningkatkan kesedaran ahli kepada kepentingan kualiti perkhidmatan.
- Menanamkan sikap positif dan meningkatkan motivasi diri.
- Berkongsi masalah sesama ahli dan bersama-sama mengatasinya.





KUMPULAN TABUNG
Jabatan Biro Kawalan Narkotik
Projek : Pengurusan Pembayaran Gaji dan Elaun Tidak Bersistematik



AHLI-AHLI

Dayang Noraini binti Haji Mohamad - Fasilitator
Awang Haji Misli bin Haji Hamid - Ketua Kumpulan
Awang Taib bin Haji Abd Razak
Dayang Hajah Nor Baheejah binti Haji Masri
Awang Haji Mohammad Hairol Faisal bin Haji Serudin
Dayang Norhasinah @ Suraya binti Abd Rahman

PENGENALAN

Kumpulan TABUNG melaksanakan projek “Pengurusan Pembayaran Gaji Dan Elaun Tidak Bersistematik” kerana ianya merupakan masalah yang sangat penting yang dihadapi oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Biro Kawalan Narkotik. Permasalahan ini semakin meruncing berikutan dengan hasil pengauditan terhadap Akaun Gaji dan Elaun Biro ini pada tahun 2011. Ianya melibatkan seramai 27 orang Pegawai terlebih bayaran gaji dan elaun-elaun yang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, Cuti Beranak, Cuti Tanpa Gaji, Elaun Memangku dan sebagainya.

Berikutan dari permasalahan tersebut, kumpulan kami telah meneliti semula Pegawai-Pegawai yang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, cuti beranak, cuti semasa memangku, cuti melebihi 30 hari, Kumpulan telah mendapati seramai 10 orang Pegawai masih lagi terlebih bayar gaji dan elauan.

Sehubungan dengan itu, melalui KKC Kumpulan Ini berusaha untuk memperbaiki apa jua kesilapan yang menjadi penyebab ke atas masalah ini. Setelah diadakan KKC, Kumpulan ini dapat memperbaiki kesilapan dan menambah pengetahuan dalam bidang berkenaan dan seterusnya untuk dipraktik sebagai amalan kerja Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Biro Kawalan Narkotik. Hasil daripada perlaksanaan projek ini, Kumpulan TABUNG telah Berjaya mengutip kembali kerugian Kerajaan sebanyak \$210,448.20 bagi gaji dan elaun-elaun yang terlebih bayar.



FAEDAH-FAEDAH

Faedah Ketara

- Terhasilnya carta aliran baru yang lebih praktikal dalam melaksanakan tugas harian.
- Rekod perkhidmatan dan rekod cuti Pegawai dan Kakitangan dikemaskinikan melalui pengasingan fail peribadi.
- Ruang penyimpanan fail peribadi Pegawai dan Kakitangan tersusun dan teratur.
- Menggunakan minit tindakan sebagai semakan tindakan bagi kemudahan Pegawai dan Kakitangan membuat tindakan.
- Terhasilnya bahan rujukan sebagai *checklist* bagi Pegawai dan Kakitangan melalui membukukan senarai semak yang disediakan oleh Jabatan Audit.

Faedah Tidak Ketara

- Peningkatan kualiti tugas harian dari segi mengemaskinikan rekod perkhidmatan dan rekod cuti Pegawai dan Kakitangan.
- Kemudahan pemantauan secara berterusan.
- Peningkatan tatacara tindakan lebih bersistematis dan teratur.
- Pengurusan tidak produktif kepada produktif.
- Melahirkan Pegawai dan Kakitangan yang komited dan *responsive* kepada tugas.
- Meningkatkan kredibiliti pengurusan.
- Mewujudkan pengurusan yang lebih efektif.





KUMPULAN AKSES
Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan
Projek : Proses Penyediaan Peta Jalan Laluan Lambat



AHLI-AHLLI

